

BERITA HARIAN

DATE: 17/1/2010

Usahawan kita di luar negara diminta labur

Model Ekonomi Baru perlu suntikan bantuan: PM



DATUK Seri Najib Razak meminta usahawan Malaysia yang berjaya di

luar negara membantu menjayakan Model Ekonomi Baru yang diperkenalkan kerajaan untuk membawa kemakmuran ekonomi di dalam negara.

Perdana Menteri berkata, mereka disaran membuat pelaburan untuk membangunkan ekonomi negara, sekali gus mengembangkan ekonomi domestik bagi membantu negara tidak terlalu bergantung kepada pelaburan syarikat asing.

"Jika buat duit di luar negara, kita boleh membawanya ke dalam negara menerusi pelaburan. Ini bukan saja akan mengembangkan ekonomi negara, malah membawa kemakmuran ekonomi ke negara kita.

"Ia selaras dengan Model Ekonomi Baru kerajaan, iaitu untuk menghasilkan usahawan berjaya di dalam negara dan mampu berkembang dan bersaing pada peringkat antarabangsa.

"Antara strategi penting model ekonomi itu adalah membangunkan syarikat tempatan sehingga menjadi juara domestik, juara peringkat serantau dan seterusnya juara peringkat global," katanya pada majlis makan malam Majlis

Perniagaan Malaysia (MBC Arab Saudi) di sini, malam semalam.

Perdana Menteri berada di sini bersama Datin Seri Rosmah Mansor untuk rangka lawatan rasmi tiga hari atas undangan Raja Abdullah bin Abdulaziz Al-Saud. Semalam, beliau menghadap Raja Abdullah bin AbdulAziz Al-Saud di Riyadh dan bertemu Putera Mahkota yang juga Timbalan Perdana Menteri pertama Arab Saudi, Sultan bin Abdul Aziz Al Saudi serta Timbalan Perdana Menteri Kedua dan Menteri Dalam Negeri, Putera Nayef bin Abdul Aziz Al-Saud.

Najib juga berkata, negara mengimpikan kelahiran syarikat tempatan yang mampu bersaing pada peringkat global seperti Samsung dan Hyundai dari Korea Selatan yang kini berjaya mengatasi syarikat terulung dunia seperti Panasonic dan Sony.

Katanya, negara memang menggalakkan pelaburan asing, tetapi pada masa sama mahu syarikat dan usahawan tempatan menyertai industri masa depan dan membangunkan serta mengembangkan bakat tempatan sehingga

FAKTA NOMBOR

R M 1 4 . 6 2

b i l i o n

Pelaburan sektor perindustrian syarikat Malaysia di Arab Saudi

ga muncul sebagai usahawan peringkat serantau dan global.

Perdana Menteri berkata, kini banyak syarikat Malaysia mendapat kepercayaan di seluruh dunia seperti di Trinidad dan Tobago yang diberi kepercayaan membuat perniagaan bernilai beratus-ratus juta ringgit, walaupun tidak mendapat peluang dalam negara sendiri.

Mengenai perdagangan dengan Arab Saudi, Najib berkata, kini 87 syarikat Malaysia berdaftar dengan Pihak Berkuasa Pelaburan Am Arab Saudi dengan 17 daripadanya dalam sektor perindustrian dengan pelaburan bernilai RM14.62 bilion dan 70 lagi dalam sektor perkhidmatan membabitkan pelaburan RM811 juta.

Najib juga berkata, hubungan Malaysia-Arab Saudi bukan saja merangkumi bidang ekonomi, malah lebih yang amat amat penting bagi memperjuangkan nasib masa depan umat Islam sejagat.

Perdana Menteri berkata, Malaysia bukan saja mahu meningkatkan hubungan dua hala, termasuk ekonomi, malah mengenai pasti cara membantu menyelesaikan pelbagai masalah yang sedang dihadapi umat Islam kini.

"Ia termasuk mengenai keadaan di sesetengah negara Islam yang masih bergelut dengan konflik dan permasalahan tertentu serta imej negatif yang dilemparkan kepada umat Islam di seluruh dunia," katanya.